

31/08/1999

Dr Mahathir yakin rakyat, ahli Pas tidak tolak sultan

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat dan ahli Pas di Kelantan tidak menolak Sultan Kelantan, sebaliknya kalangan pemimpin dalam parti itu saja yang bersikap demikian.

"Yang tidak hormat ialah kalangan pemimpin Pas yang gila kuasa hingga sanggup mengecam raja-raja," katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan imam dan pegawai masjid seluruh Kedah, di Dewan Seri Negeri, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar mengenai dakwaan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh, yang mendakwa rakyat Kelantan tidak lagi mempedulikan keluarga raja.

Wan Ismail juga berkata, jika Sultan Kelantan sendiri yang bertanding menentang Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pada pilihan raya nanti, baginda pun akan kalah.

Dr Mahathir berkata, walaupun setiausaha akhbar Nik Aziz itu mendakwa kononnya rakyat Kelantan tidak mempedulikan keluarga raja, bukan semua rakyat Kelantan tidak sayangkan sultan mereka.

"Antara orang Pas pun, ramai yang masih menghormati (sultan). Yang tak hormat Sultan Kelantan cuma pemimpin Pas yang seperti dah gila kuasa... tak peduli apa, sampai sanggup mengecam raja.

Perdana Menteri berkata, sikap seumpama itu hanya ada pada ahli atau penyokong Pas yang fanatik terhadap perjuangan parti itu hingga sanggup mengecam Sultan Kelantan.

"Ini sebenarnya ditegah oleh undang-undang negara. Kita tak boleh kata macam itu. Kita kena tengok undang-undang kata apa. Saya sendiri tak tahu, kena periksa dulu," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengambil tindakan undang-undang terhadap Wan Ismail berhubung kenyataannya itu.

Katanya, kerajaan akan meneliti perkara itu berdasarkan Akta Hasutan kerana tindakan memburuk-burukkan sultan adalah salah mengikut undang-undang.

Ditanya sama ada kenyataan Wan Ismail itu menggambarkan sikap pemimpin dan ahli Pas yang tidak sayangkan raja atau sultan, Dr Mahathir berkata: "Mereka tak sayang walau pun pada agama. Semua ini alat untuk pancing undi saja. Bagi Pas tak lebih daripada itu. Dia (Pas) sanggup kata Tuhan mencarut," katanya.

Di KOTA BHARU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata beliau tidak melihat kewajaran Pas mengheret nama Sultan Kelantan dalam urusan politik negeri itu dan kenyataan Wan Ismail itu adalah bukti Pas sudah kehabisan modal untuk mempengaruhi rakyat.

"Apa perlu timbulkan Sultan Kelantan nak lawan Menteri Besar dalam pilihan raya umum akan datang. Kita semua duduk bawah sultan dan sultan bukan orang politik, jadi kenapa nak kaitkan sultan.

"Tak ada kena mengena dengan sultan, malah hari ini sultan berangkat ke England," katanya ketika ditemui selepas meninjau persiapan bagi perhimpunan menyambut ulang tahun kemerdekaan di Tambatan D'Raja.

Sementara itu, pakar undang-undang, Datuk Dr Rais Yatim, berkata kenyataan Wan Ismail itu ternyata melanggar Seksyen 3 Akta Hasutan 1948, kerana menghasut rakyat menolak sultan, iaitu komponen penting dalam institusi perundangan negeri.

Katanya, perbuatan itu adalah serius serta bertentangan dengan Rukun

Negara dan Peguam Negara harus mengambil tindakan sewajar.

"Sebaik-baiknya ialah rakyat Kelantan sendiri membuat laporan polis," katanya sambil menambah, Pendaftar Pertubuhan juga boleh bertindak ke atas Pas.

(END)